

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 29 NOVEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/11/1032848/anwar-ajak-16-penjawat-awam-bangkit-bangunkan-semula-ekonomi-majukan>

### **Anwar ajak 1.6 penjawat awam bangkit bangunkan semula ekonomi, majukan negara**



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua kanan) beramah mesra bersama penjawat awam pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan November 2022 di Dataran Perdana Putra, Bangunan Perdana Putra hari ini. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali (kanan). - Foto BERNAMA

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak 1.6 juta penjawat awam supaya bangkit semula melakukan perubahan dalam usaha memaju dan membangunkan negara.

Perdana Menteri berkata tidak seperti pada waktu sebelum ini, ekonomi negara berada dalam keadaan kemerosotan dan ketidakstabilan yang dikatakan ada kaitan dengan kelemahan pimpinan kerajaan terdahulu.

"Saya harap ini satu permulaan baru...negara ini memerlukan perubahan untuk ke tahap yang pernah kita capai dulu malangnya merosot balik ekonominya, baik kestabilannya ataupun disiplinnya.

"Tentunya Tan Sri Peguam Negara (Idrus Harun) tahu mengenai pelanggaran hukum termasuk isu-isu penyelewengan dan rasuah yang kadang-kadang juga ada kaitannya kerana kelemahan pimpinan serta kaitannya dengan peringkat penjawat awam.

"Jadi saya ambil kesempatan ini untuk mengajak saudara dan saya merayu supaya bersama dalam minat, semangat untuk membawa islah atau perubahan ke arah kebaikan," ketika berucap pada perhimpunan bulanan di Dataran Perdana Putra di Putrajaya hari ini.